

Hari kedua IcIF 2012 dan MCSN 6

Oleh Hasrulraizan

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Mei – Persidangan Antarabangsa Kewangan Islam (ICIF) 2012 dan Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Ke-6 (MCSN 6) diteruskan lagi bagi Hari Kedua hari ini dengan pembentangan Kertas Kerja Resolusi MCSN 5, perbincangan pembentangan dan diskusi oleh para pemakalah kertas kerja serta diskusi umum.

Kertas Kerja Resolusi MCSN 5: Isu-isu Kecuaian (Taqsir) dan Pencerobohan (Ta'addi); Jaminan dan Pengurusan Etika dalam Produk Mudharabah dan Musharakah telah dibentangkan oleh Profesor Madya Dr Asmadi Mohamed Naim dari Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia.

Moderator bagi pembentangan yang diadakan di salah sebuah hotel di Gadong itu ialah Pengerusi Bersama ICIF 2012 dan MCSN 6 iaitu Pengerah Pusat Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr Abdul Nasir Haji Abdul Rani.

Setelah selesai sesi pembentangan berkenaan, majlis diteruskan dengan perbincangan pembentangan bermula dengan topik pertama 'Aplikasi Ijarah Mawsumah Fi Zimmah di dalam Perbankan'.

Topik pertama berkenaan telah dibentangkan oleh Naib Presiden / Ketua Bahagian Syariah Maybank Islamic Berhad, Muhammad Ramadhan Fitri Elias dan pensyarah di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pengajian Dasar, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Awang Muhammad Hairul Azrin Haji Besar.

Selepas rehat, topik kedua 'Aplikasi Ijarah Mawsumah Fi Zimmah di dalam Pasaran Modal' pula dibentangkan oleh Anggota Kelompok Kerja Pasar Modal, Dewan Syariah Nasional-Majelis Ulama Indonesia, Dr Yulizar Djamiluddin Sanrego NZ, Penyelidik International Shariah Research Academy (ISRA), Malaysia, Ustaz Lokmanulhakim Hussain dan Pensyarah Kanan / Timbalan Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang UNISSA, Dr Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi.

Pada sebelah petangnya pula majlis diteruskan dengan Diskusi oleh para Pemakalah Kertas Kerja berkaitan tajuk 'Aplikasi Ijarah Mawsumah Fi Zimmah di dalam Perbankan dan Pasaran Modal di bawah MCSN 6'.

Para pendiskusi terdiri daripada K.H. Ma'aruf Amin, Ketua Jabatan Akademik dan Perkhidmatan Masyarakat, Kolej Pengajian Islam, Prince Songkla



Universiti, Pattani, Dr Maroning Salaming dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Haji Metussin Haji Baki.

Hari Kedua ICIF 2012 dan MCSN 6 berakhir dengan Diskusi Umum. Kelihatan turut hadir semasa diskusi oleh para pemakalah kertas kerja berkenaan ialah Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili Haji Mohiddin.

ICIF 2012 dan MCSN 6 dibawakan secara kerjasama oleh Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan (FPSP), UNISSA, Pusat Perbankan, Kewangan dan Pengurusan Islam (CIBFM), Brunei Darussalam dan ISRA Malaysia.

Kedua-duanya dianjurkan secara serentak adalah bagi mendedahkan secara menyeluruh mengenai isu-isu syariah dan isu-isu amali terkini, di samping memperkayakan lagi sumber rujukan Kewangan dan Perbankan Islam dalam Bahasa Melayu.

ICIF 2012 menggunakan tiga bahasa pengantar utama di negara ini khasnya dan rantau sebelah sini umumnya iaitu Bahasa Melayu, Inggeris dan Arab bertujuan bagi memberikan peluang lebih besar kepada pemahaman yang lebih menyeluruh kepada lebih ramai peserta yang hadir.

Apa yang lebih menarik adalah MCSN 6 yang bertemakan 'Garis panduan Syariah dalam Aplikasi Ijarah Mawsumah Fi Zimmah dan Isu-isu Pelaburan dalam



Kelihatan Yang Dimuliakan Pehin Timbalan Mufti Kerajaan (tengah) dalam sesi diskusi MCSN 6.

Takaful' hanya menggunakan bahasa pengantar Bahasa Melayu bagi membincangkan secara terperinci isu-isu syariah yang tercetus melalui Aplikasi Kontrak Ijarah Mawsumah Fi Zimmah dalam penstrukturan produk-produk perbankan dan Pasaran Modal Islam.

MCSN 6 diadakan bertujuan bagi membincangkan lagi sumber rujukan kewangan dan perbankan Islam dalam Bahasa Melayu, di samping menjadi medan bagi membincangkan secara terperinci mengenai isu-isu syariah dalam perbankan dan Pasaran Modal Islam.

Kertas-kertas kerja yang dibentangkan di sepanjang ICIF 2012 itu meliputi beberapa skop kewangan dan perbankan Islam termasuklah isu-isu berkaitan dengan Sukuk, Al-Kafalah, Mashalah, pengurusan Waqf dan lain-lain tajuk berkaitan kewangan Islam.

Antara objektif yang ingin dicapai melalui ICIF 2012 dan MCSN 6 ialah merangka parameter syariah bagi Aplikasi Ijarah Mawsumah Fi Zimmah dan Isu-isu pelaburan dalam takaful, dan memperhalusi aspek syariah di dalam perbankan dan kewangan Islam.

Ia juga bagi perkongsian dan pencambahan ilmu terutama sekali di dalam bidang perbankan dan kewangan Islam, menyumbang secara positif kepada perkembangan perbankan dan kewangan Islam dan meningkatkan kesedaran akan kepentingan industri perbankan dan kewangan Islam yang insya Allah akan membawa manfaat kepada ummah.



Antara yang menghadiri MCSN 6 pada sesi sebelah petang.